



PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2019 MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

Salam Sejahtera,

Beberapa hari sahaja lagi, 2018 akan melabuhkan tirainya. Tahun 2018 merupakan tahun yang memperlihatkan banyak perubahan yang berlaku dalam negara. Perubahan kepada lanskap pentadbiran Kerajaan Malaysia turut melibatkan penstrukturan semula kementerian-kementerian di mana fungsi dan peranannya sebelum ini berubah menjadi lebih efisien dan efektif khususnya dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada seluruh warga Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) terutamanya kepada YB Timbalan Menteri dan juga Ketua Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan dan Setiausaha-Setiausaha Bahagian yang telah melaksanakan tugas dengan begitu cemerlang sepanjang tahun 2018. Semangat serta komitmen yang telah ditampilkan seluruh warga KATS sepanjang tahun ini telah berjaya mengharumkan nama Kementerian di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Tahun 2019 dijangka akan lebih mencabar. Semangat dan iltizam yang dipamerkan pada tahun ini diharap dapat diteruskan pada tahun hadapan. Azam dan tekad kita sebagai warga KATS haruslah berpandukan kepada

Pelan Strategik 2019 – 2023 yang telah dirangka baru-baru ini semasa *KATS Retreat Management*.

Percambahan idea antara pengurusan tertinggi telah menetapkan hala tuju dan sasaran KATS yang lebih realistik dan berimpak tinggi. Selaku Kementerian yang menerajui pengurusan Air, Tanah dan Sumber Asli, perancangan strategik dan sasaran kerja yang ditetapkan pada tahun 2019 menitikberatkan pandangan rakyat agar program dan aktiviti yang dirancang ini mampu dilaksanakan dan dicapai demi kesejahteraan rakyat. Untuk melaksanakan segala inisiatif yang dirancang, prinsip *rule of law* bukan sekadar laungan semata-mata tetapi menjadi asas dalam setiap tindak-tanduk kita.

Tanggungjawab kita bukan sahaja terletak pada pelaksanaan program yang dirangka oleh kementerian malah kita perlu mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat awam mengenai kepentingan konservasi air, hidupan liar dan hutan. Malaysia komited dalam melaksanakan inisiatif pemuliharaan sumber asli dan biodiversiti di peringkat serantau dan antarabangsa. Antara inisiatif-inisiatif pemuliharaan yang diketengahkan ialah Program Konservasi Harimau Malaya, tapir dan Raja Musa Forest Reserve. Komitmen ini memerlukan kerjasama yang erat di antara rakyat dengan kerajaan dan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Semangat kerjasama itu, diharap akan dapat diterjemahkan secara strategik antaranya melalui Rang Undang-undang Sumber Air Negara (RUU SAN) yang sedang dikaji oleh kementerian ini dan dijangka siap pada tahun hadapan sebelum dibentangkan di Parlimen. Apa yang dilakukan ini adalah

untuk memastikan keseragaman dalam undang-undang membabitkan pengurusan sumber air secara holistik demi memberikan perkhidmatan air yang terbaik kepada rakyat sekaligus bagi mengurangkan pembaziran sumber air negara.

RUU SAN yang turut mengambil kira pandangan serta keperluan rakyat, adalah salah satu daripada banyak perancangan yang menuntut kerjasama semua pihak. Justeru, langkah ini perlu bermula dari sekarang dan menjadi fokus setiap warga KATS untuk memastikan kejayaan demi kejayaan dicipta pada tahun 2019 demi untuk rakyat sekali gus meletakkan Malaysia di tahap terbaik di peringkat global dalam pengurusan Air, Tanah dan Sumber Asli.

Selamat Tahun Baharu 2019.

YB DR. XAVIER JAYAKUMAR